

KAEDAH PEMBELAJARAN BERTEKNOLOGI SEBAGAI SOKONGAN SISTEM PENDIDIKAN PELAJAR UNIVERSITI MASA KINI

Ahmad Khatib Zuhdi Bin Tapiudin
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6017-4957220 Email: ahmadkhatib@raudah.usim.edu.my

Mohd Nor Adzhar Bin Ibrahim
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
mnor.adzhar@usim.edu.my

Muhammad Alif Izzuddin Bin Ridzwan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6010-4045564 E-mail: alifizzuddin@raudah.usim.edu.my

Ahmad Sa'id Al-Mubarraq Bin Imran Shawal
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6010-8883453 E-mail: ahmidsaid@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Pembelajaran berteknologi merupakan satu kaedah pembelajaran yang membantu masyarakat khususnya pelajar universiti pada masa kini. Teknologi akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan berkesan. Pada zaman kini, sektor pendidikan telah begitu maju dengan kewujudan pembangunan teknologi yang canggih sehingga menjenamakan kaedah pembelajaran dengan nama pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Kaedah ini bertujuan untuk memudahkan proses pembelajaran pelajar universiti supaya mereka dapat menguasai dan mempelajari subjek tertentu dengan efektif. Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau penggunaan teknologi sebagai elemen sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar universiti. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang dijalankan kepada pelajar universiti dan jurnal-jurnal akademik. Hasilnya, kajian ini berjaya mengenalpasti kaedah pembelajaran berteknologi yang dapat dijadikan panduan yang berguna dan pada masa yang sama turut mengesan teknologi yang tidak dapat digunakan sebagai kaedah pembelajaran. Oleh itu, kaedah pembelajaran berteknologi perlu direalisasikan dan dilaksanakan oleh pensyarah dan pelajar bagi melaksanakan dan melancarkan sesi pembelajaran mahupun pengajaran di dalam waktu kuliah demi mencapai rancangan pengajaran dengan jayanya. Hasil dapatan kajian ini telah menyimpulkan bahawa kemajuan penggunaan teknologi ini adalah penting bagi membolehkan Malaysia berada seiring dengan negara-negara maju dan dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi untuk menyumbang kepada kemajuan dalam sistem pendidikan negara.

Kata kunci: Teknologi, merealisasikan pengajaran, dan pelajar

1. Pengenalan

Pembelajaran berteknologi adalah proses pembelajaran yang menggunakan teknologi tertentu seperti peranti pintar, komputer dan lain-lain. Pembelajaran berteknologi ini akan menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih mudah, menarik dan lebih berkesan. Hal ini kerana pembelajaran berteknologi ini lebih menarik minat pelajar yang memudahkan pelajar untuk mengakses segala maklumat yang diinginkan dengan mudah dan pantas. Pembelajaran berteknologi ini amat penting kerana teknologi merupakan perkara yang amat berguna untuk melakukan apa sahaja seiring dengan peredaran zaman masa kini. Teknologi bukan sahaja membantu dalam penyampaian maklumat, tetapi juga dalam pemantauan dan penilaian prestasi pelajar. Melalui penggunaan teknologi, guru dapat mengenal pasti kelemahan pelajar dengan lebih cepat dan tepat, seterusnya menyediakan intervensi yang bersesuaian untuk membantu pelajar tersebut.

Dengan kemajuan teknologi yang tidak pernah berhenti, adalah penting bagi institusi pendidikan untuk sentiasa mengemas kini kaedah pembelajaran dan pengajaran mereka agar selari dengan perkembangan terkini. Ini juga termasuk penggunaan alat bantu mengajar digital, platform pembelajaran dalam talian, dan alat penilaian yang berasaskan teknologi. Semua ini bertujuan untuk memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam arus perdana pendidikan global dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, pembelajaran berteknologi menawarkan pelbagai kelebihan yang tidak boleh diabaikan. Ia bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran teknologi yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini. Oleh itu, integrasi teknologi dalam pendidikan perlu terus diperkasakan dan dipertingkatkan agar dapat dimanfaatkan oleh generasi pada masa hadapan.

2. Metodologi kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan kuantitatif iaitu kaedah tinjauan yang menyeluruh kepada semua mahasiswa dan mahasiswi di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kaedah tinjauan ini sedikit sebanyak dapat membantu kami mengumpul maklumat tentang keperluan pembelajaran berteknologi sebagai sokongan sistem pendidikan pelajar universiti pada masa kini.

Tinjauan ini diwujudkan agar dapat mengukur persepsi pelajar dalam penggunaan teknologi. Kaedah penyelidikan kuantitatif merupakan salah satu pendekatan yang bersifat angka atau numerikal. Tujuan artikel ini adalah untuk mempelajari analisis data dan statistik dalam membuat kajian untuk sesiapa sahaja (Zuhairil, 2019). Kajian ini juga menggunakan artikel bagi menyelesaikan kajian ini dengan baik dan sempurna.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Kaedah tinjauan yang kami gunakan ialah berbentuk soal selidik atas talian (Google Form) kepada mahasiswa usim. Tumpuan utama soal selidik ini adalah untuk mengenal pasti kaedah teknologi yang digunakan untuk pembelajaran dan tahap kepuasan penggunaan teknologi di kalangan pelajar universiti. Kajian ini juga berdasarkan artikel bagi mencapai tujuan dalam melaksanakan pembelajaran berteknologi sebagai sokongan sistem pendidikan pelajar masa kini di negara Malaysia.

3. Perbincangan

Pembelajaran berteknologi ialah pembelajaran yang menggunakan teknologi sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Pembelajaran berteknologi ini secara umumnya ialah pembelajaran yang menggunakan teknologi seperti komputer riba, tablet, aplikasi teknologi dan banyak lagi bagi mendukung proses pendidikan dan pembelajaran apa-apa subjek. Definisi teknologi pendidikan sebagai penggunaan prinsip-prinsip saintifik untuk merancang dan melaksanakan sistem pengajaran (Muhammad Hasan Abdul Rahman, 2000). Teknologi pendidikan juga dikaitkan dengan peralatan tertentu sebagai suatu teknik pengajaran seperti pengajaran berbantuan komputer dan bahan pengajaran yang menggunakan media.

Kaedah penyelidikan kuantitatif merupakan salah satu pendekatan yang bersifat angka atau numerikal. Tujuan artikel ini adalah untuk mempelajari analisis data dan statistik dalam membuat kajian untuk sesiapa sahaja (Zuhairil, 2019).

Jadual 1: Kaedah Teknologi yang digunakan

Bil	Sistem Sokongan	Maklum Balas
1	Komputer Riba	10
2	Telefon Pintar	7
3	Tablet	3

Di samping itu, tahap kepuasan penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar juga memainkan peranan dalam menjayakan kaedah pembelajaran berteknologi ini. Ini kerana sekiranya para pelajar tidak berpuas hati dengan penggunaan teknologi masa kini, makanya pembelajaran berteknologi juga tidak akan berlaku. Tahap kepuasan penggunaan teknologi ini merangkumi cara penggunaan peranti pintar, kelajuan internet, penggunaan aplikasi atas talian dan banyak lagi. Sebagai contoh, kelajuan internet amat penting untuk melaksanakan pembelajaran berteknologi kerana kaedah ini tidak dapat dijalankan sekiranya capaian internet tidak capai ke tahap yang memuaskan.

Tambahan pula, setiap pelajar juga perlu mempunyai peranti pintar agar mereka boleh belajar pelbagai mata pelajaran dengan menggunakan peranti yang sedia ada. Jadual 2 menunjukkan tahap kepuasan penggunaan teknologi dalam kalangan pelajar.

Jadual 2: Tahap Kepuasan Penggunaan Teknologi

Tahap kepuasan	Peratus
Sangat Baik	15%
Baik	55%
Sederhana	30%

Berdasarkan jadual 2 ini, data menunjukkan bahawa 15% mahasiswa sangat berpuas hati dengan teknologi yang telah mereka gunakan. Sebanyak 55% mahasiswa berpuas hati dan hanya 30% sahaja yang menyatakan sederhana pada tahap kepuasan mahasiswa. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan mahasiswa berpuas hati dengan penggunaan teknologi masa kini seperti komputer riba, tablet, telefon pintar, aplikasi yang menarik dan banyak lagi.

3.1 Definisi pembelajaran

Pembelajaran adalah proses meningkatkan ilmu pengetahuan, pengalaman, sikap dan etika dalam membentuk insan yang berguna dan intelektual demi masa hadapan. Proses ini boleh dijalankan secara formal seperti sekolah, institusi dan universiti atau secara informal seperti di rumah dan di mana-mana tempat yang bersesuaian. Pembelajaran boleh berlaku secara tidak disengajakan menerusi pelbagai situasi yang berbeza. Suasana pembelajaran yang berlaku secara formal, proses pemerolehan maklumat, pengetahuan serta penguasaan kemahiran merupakan sesuatu yang telah dirancang secara teratur serta terikat dengan arahan-arahan guru, pensyarah ataupun pembimbing (Khalid Johari, 1999).

3.2 Definisi teknologi

Teknologi adalah kata yang diambil daripada Bahasa Inggriz iaitu “Technology” yang juga diambil daripada Bahasa Yunani iaitu “Technologia” yang bermaksud keahlian pengetahuan. Teknologi ini mampu membantu manusia dalam mencari dan menyampaikan maklumat kepada orang yang lain. Teknologi juga adalah satu latihan insentif dalam menambahkan kemahiran dan proses

menyellesaikan masalah bagi mencipta sesuatu yang memberi manfaat kepada masyarakat di sekeliling.

Istilah teknologi berasal daripada gabungan dua perkataan, iaitu *techne* dan *logos*. Istilah *techne* di dalam bahasa Yunani bermakna seni atau kerja tangan dan *logos* bererti wacana atau kajian sistematis. Oleh itu istilah teknologi lebih merujuk kepada ilmu yang bersifat praktikal dan berbeza daripada istilah sains yang merujuk kepada ilmu yang bersifat teoretis. Terdapat perbezaan di antara konsep teknologi yang dikemukakan oleh ahli falsafah di barat berbanding dengan teknologi Islam (Che Wan Jasimah & Dato' Dr. Osman, 1996).

3.3 Definisi pembelajaran berteknologi

Pembelajaran berteknologi adalah proses pendidikan yang memanfaatkan berbagai peranti, platform dan aplikasi untuk memudahkan proses pembelajaran seharian. Teknologi pendidikan ialah satu proses merancang, membina, mereka bentuk melaksanakan dan menilai aktiviti-aktiviti pembelajaran secara sistematik dengan tujuan meningkatkan serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (Yusup Hashim, 1997). Petikan ayat Al-Quran dalam Surah Al-Insyirah ayat ke lima dan enam;

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (5) إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا (6)

Maksudnya: “Maka sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan. Sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan” (Surah Al-Insyirah:5-6).

4. Kesimpulan

Sebagai mahasiswa, pembelajaran berteknologi sangat penting pada masa kini, seiring dengan peredaran zaman yang kian maju. Hal ini kerana pembelajaran berteknologi amat memudahkan pembelajaran yang telah membawa banyak manfaat dalam meningkatkan kualiti pendidikan. Tambahan pula, pendidikan ini amat penting kepada setiap insan dan teknologi yang sangat digemari oleh semua insan khususnya kepada pelajar remaja, jadinya kita perlu menyatukan kedua-dua perkara ini lalu menjadikan pembelajaran berteknologi yang bermanfaat kepada setiap insan.

Namun demikian, dalam menggunakan teknologi dalam pembelajaran, kita juga harus lebih berhati-hati dan bijak dalam mengendalikannya. Ini kerana terdapat banyak cabaran yang perlu diatasi dengan sebaiknya seperti isu keselamatan siber, penyalahgunaan teknologi dan ketagihan kepada gajet. Oleh itu, adalah penting bagi setiap mahasiswa untuk mempunyai disiplin diri dan pengawasan yang baik agar teknologi dapat dimanfaatkan sepenuhnya tanpa memberi kesan negatif kepada kehidupan seharian mereka.

Selain itu, pengajar dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membimbing semua mahasiswa menggunakan teknologi dengan betul. Mereka perlu memberikan panduan yang jelas dan memastikan setiap mahasiswa menggunakan teknologi sebagai alat bantu pelajar yang efektif bukan sekadar untuk hiburan semata-mata. Dengan kerjasama antara pelajar, guru, dan ibu bapa, suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif dan inovatif dapat diwujudkan dengan sempurna.

Kesimpulannya, pembelajaran berteknologi adalah satu keperluan pada era digital ini. Ianya bukan sahaja memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran tetapi juga meningkatkan sistem kualiti pendidikan di negara Malaysia. Oleh itu, semua insan khususnya mahasiswa haruslah bijak dalam menggunakan teknologi agar dapat memanfaatkan penggunaan teknologi sepenuhnya untuk

menyelesaikan kemaslahatan yang dihadapi dan demi kemajuan diri, masyarakat dan negara. Pembelajaran berteknologi yang terancang dan terkawal akan membawa ke arah masa depan yang lebih cemerlang, gemilang dan mampu berdaya saing dengan negara-negara lain.

5. Rujukan

- Che Wan Jasimah bt Wan Mohamed Radzi & Prof. Dato' Dr. Osman bin Bakar. (1996). Teknologi Menurut Perspektif Barat dan Islam. Jurnal Usuluddin.
- Khalid Johari. (1999). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran di Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Sabah Dengan Jantina, Umur dan Latar Belakang Pekerjaan. Jurnal Kinabalu.
- Mohd Hafizuddin Bin MHD Deris. Bab 1: Teknologi Pendidikan. Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran.
- Mohd Zuhairil Ikmal Saidi. (2019). Pendekatan Kuantitatif dalam penggunaan R.